

SIARAN MEDIA KEMENTERIAN KEWANGAN MALAYSIA

ELAUN PENGHARGAAN BULANAN RM5,000 KEPADA SASTERAWAN NEGARA



Anugerah Sastera Negara mula diperkenalkan pada tahun 1981 dan merupakan pengiktirafan tertinggi yang diberikan oleh Kerajaan kepada sasterawan yang menulis dalam Bahasa Malaysia secara berterusan dalam perkembangan kesusasteraan tanah air. Jasa dan sumbangan para sasterawan cukup besar dan amat signifikan dalam membangunkan Malaysia menerusi kecemerlangan dalam Bahasa Malaysia dan menyemarakkan pembangunan industri kreatif negara.

Justeru, Kerajaan telah meluluskan peruntukan tambahan sebanyak RM5,000 sebulan seorang (berjumlah RM35,000 dari bulan Julai hingga Disember 2019) kepada Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) untuk pembiayaan Elaun Penghargaan bulanan bagi tujuh (7) Sasterawan Negara mulai Jun 2019. Bayaran bulanan RM5,000 akan diteruskan pada tahun-tahun yang seterusnya.

Pemberian Penghargaan Sasterawan Negara secara bulanan ini merupakan elaun tambahan baru yang diberikan sebagai tanda penghargaan kepada usaha dan dedikasi mereka dalam memainkan peranan penting membina Bahasa Malaysia sebagai bahasa kebangsaan yang menyatupadukan negara.

Elaun Penghargaan Sasterawan Negara secara bulanan ini diharapkan dapat membantu menjamin kebajikan, memastikan kesejahteraan dan memberi keselesaan kepada semua Sasterawan Negara agar terus menyumbangkan idea pemikiran, keilmuan dan sumbangan karya bermutu tinggi untuk tatapan masyarakat.

Anugerah Sastera Negara dipilih oleh Urusetia Panel Anugerah Sastera Negara yang diketuai oleh Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP), bawah seliaan Kementerian Pendidikan Malaysia, dengan kemudahan berikut:-

1. Warkah Penghormatan Negara;
2. Wang tunai sebanyak RM60,000;

3. Kemudahan dan keselesaan untuk kegiatan mencipta;
4. Kemudahan untuk penerbitan karya;
5. Kemudahan perubatan percuma dalam wad kelas satu di mana-mana hospital kerajaan;
6. Penerbitan sebanyak 50,000 naskhah daripada karya penerima anugerah atau harga berjumlah maksimum RM500,000 untuk dibeli oleh Kerajaan dan disebarikan ke sekolah, perpustakaan, jabatan dan agensi Kerajaan; dan
7. Penterjemahan karya yang sesuai ke dalam bahasa asing.

Senarai penerima Elaun Sara Hidup Sasterawan Negara adalah seperti berikut:

1. Dato' Seri (Dr) A. Samad Said;
2. Prof. Emeritus Dr. Muhammad Haji Salleh;
3. Dato' Noordin Hassan;
4. Dato' Dr. Mohd Anuar bin Haji Rethwan (Anwar Ridhwan);
5. Dato' Dr. Ahmad Khamal Abdullah (Kemala);
6. Dato' (Dr.) Baharuddin Zainal (Baha Zain);
7. Datuk Dr. Zurinah Hassan

Pemberian elaun penghargaan daripada Kementerian Kewangan ini diharapkan dapat menjamin kesinambungan mutu hasil seni dengan cemerlang, dan menunjukkan penekanan terhadap sastera dan bahasa daripada semua lapisan masyarakat, termasuk daripada sebuah kementerian yang tidak biasanya terlibat secara langsung dengan bidang sastera yang istimewa ini.

Sayangi Malaysiaku!

Lim Guan Eng

Menteri Kewangan

Kementerian Kewangan Malaysia

Putrajaya

24 Jun 2019

Like Be the first of your friends to like this.